



**GARIS PANDUAN
FASILITI KESIHATAN SWASTA
BAGI PELAKSANAAN PROGRAM UJIAN
SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN
PERKESO**

2021

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Program Ujian Saringan COVID-19 di bawah Fasa Pemulihan dilaksanakan sebagai usaha bagi memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dikekang sewaktu sektor pekerjaan kembali beroperasi mengikut Standard Operating Procedures (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 1.2 Saringan yang dijalankan di bawah program ini diberikan kepada semua pekerja termasuk pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh PERKESO.
- 1.3 Ujian saringan ini akan menggunakan kaedah *Rapid Test Kit* (RTK) Antigen. Kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO dan dibekalkan kepada majikan. Majikan perlu menyelaraskan ujian saringan COVID-19 bersama klinik atau hospital yang dipilih oleh majikan.
- 1.4 Klinik atau hospital hendaklah melaporkan keputusan saringan melalui melalui Portal SSP (<https://ssp.perkeso.gov.my>).

2.0 KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN

- 2.1 Ujian saringan COVID-19 bagi program ini akan menggunakan kaedah RTK Antigen.
- 2.2 PERKESO akan membekalkan RTK Antigen kepada majikan berdasarkan bilangan pekerja yang aktif mencarum dengan PERKESO.
- 2.3 Selepas penerimaan kit ujian tersebut, majikan akan menyelaraskan ujian saringan COVID-19 bersama klinik atau hospital yang dipilih oleh majikan. Ujian saringan ini terhad kepada bilangan kit ujian yang diterima oleh majikan sahaja.

- 2.4 Kos perkhidmatan bagi ujian saringan ini akan ditanggung oleh majikan.
- 2.5 Klinik atau hospital bertanggungjawab untuk mengeluarkan keputusan ujian saringan kepada pekerja dan melaporkan keputusan ke dalam Portal SSP (<https://ssp.perkeso.gov.my>).

3.0 PENDAFTARAN FASILITI KESIHATAN SWASTA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN

- 3.1 Bagi klinik atau hospital yang telah menjadi panel Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing, Portal SSP boleh diakses dengan menggunakan nama pengguna (*username*) dan kod akses (*password*) sedia ada.
- 3.2 Sekiranya klinik atau hospital tidak menjadi panel Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing, klinik atau hospital perlu melengkapkan langkah-langkah seperti berikut:-
 - 3.2.1 Berdaftar sebagai panel Health Screening Programme PERKESO melalui portal sehat.perkeso.gov.my
 - 3.2.2 Telah membuat Self-Declaration di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] kepada Kementerian Kesihatan Malaysia
 - 3.2.3 Selepas keperluan mendaftar telah dipenuhi, log masuk ke Portal SeHAT dan panel perlu mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan saringan RTK-Ag dibawah Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan.
 - 3.2.4 *Access Key* akan diberi untuk kebenaran log masuk ke portal ssp.perkeso.gov.my
 - 3.2.5 Emel dari SIMKA akan dihantar kepada panel yang belum berdaftar dalam portal SIMKA. Panel perlu mengemaskini butiran yang diperlukan oleh SIMKA.

- 3.2.6 Proses pendaftaran selesai. Pelaksanaan aktiviti saringan RTK-Ag dibawah Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan akan dibuat melalui Portal SSP termasuklah proses perekodan keputusan ujian saringan.
- 3.2.7 Perekodan ujian saringan boleh dirujuk kepada Manual Pengguna bagi panel Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan.

4.0 PELAPORAN KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN COVID-19

- 4.1 Klinik atau hospital yang menjalankan ujian saringan COVID-19 di bawah Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan perlu melaporkan keputusan ujian saringan melalui Portal SSP.
- 4.2 Bagi klinik atau hospital yang telah menjadi panel Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing, Portal SSP boleh diakses dengan menggunakan nama pengguna (*username*) dan kod akses (*password*) sedia ada.
- 4.3 Walau bagaimanapun, panel tersebut perlu membuat pengesahan di Portal SSP (<https://ssp.perkeso.gov.my>) sebelum dibenarkan untuk melaporkan ujian saringan COVID-19 di bawah program ini.
- 4.4 Berikut merupakan kaedah pelaporan bagi klinik atau hospital yang telah mempunyai akses ke Portal SSP.
 - 4.4.1 **Log masuk ke Portal SSP** (<https://ssp.perkeso.gov.my>) dengan menggunakan nama pengguna (*username*) dan kod akses (*password*) sedia ada.
 - 4.4.2 **Membuat pengesahan untuk menjadi panel bagi Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan dan telah mengemukakan self-declaration** Kemudahan dan Perkhidmatan Screening dan Triaging (S&T) Bagi COVID-19 di Klinik Perubatan Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta dan Hospital Swasta Yang Berdaftar Atau Berlesen Di Bawah Akta 586 kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 4.4.3 **Melaksanakan ujian saringan COVID-19** melalui penyelarasan bersama majikan. Kos perkhidmatan bagi ujian saringan ini ditanggung oleh majikan.
- 4.4.4 **Mengeluarkan keputusan** ujian saringan COVID-19 kepada pekerja.
- 4.4.5 **Melaporkan ujian saringan COVID-19** melalui Portal SSP.
- 4.4.6 Rujuk carta alir di bawah untuk rujukan.

PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 DI BAWAH FASA PEMULIHAN (RUJUKAN FASILITI KESIHATAN SWASTA)

